

**SOALAN LAZIM**  
**PERMOHONAN GALAKAN BAGI PROJEK PENGELUARAN BAHAN MAKANAN**  
**YANG DILULUSKAN DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

---

1. Apakah jenis pengecualian cukai yang akan diperolehi oleh syarikat yang memohon?

**Syarikat pelaksana** (syarikat yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan) akan memperoleh insentif pengecualian cukai sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun bagi projek baru dan 5 tahun bagi projek pembesaran.

**Syarikat pelabur** pula akan memperoleh insentif potongan cukai sebanyak 100% ke atas amaun yang dilaburkan dalam syarikat pelaksana. Tempoh pengecualian cukai adalah maksimum 3 tahun.

2. Apakah definisi Projek Baru dan Projek Pembesaran?

**Projek Baru** - Projek yang tidak pernah dijalankan oleh Syarikat Pelaksana bagi maksud melaksanakan suatu Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan oleh Menteri Kewangan.

**Projek Pembesaran** – Suatu projek yang dijalankan oleh syarikat bagi maksud membesar projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan sedia ada yang mana projek pembesaran itu tidak pernah diberi pengecualian cukai di bawah mana mana program galakan cukai.

3. Apakah jenis projek pengeluaran bahan makanan yang layak?

- a) Tanaman;
  - i. Sayur-sayuran
  - ii. Buah-buahan
  - iii. Tanaman Kontan
  - iv. Tanaman Industri
  - v. Herba
  - vi. Rempah ratus
  - vii. Tanaman Makanan Ternakan

- b) Ternakan;
    - i. Lembu
    - ii. Kambing
    - iii. Biri-biri
    - iv. Kerbau
    - v. Rusa
  - c) Akuakultur Termasuk Hatcheri dan Rumpai Laut;
  - d) Apikultur ( Lebah Madu dan Kelulut ); dan
  - e) Perikanan Tangkapan
4. Siapakah yang boleh memohon insentif ini?
- a) Syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan modal berbayar **sekurang-kurangnya RM100,000** dan bagi projek **perikanan tangkapan** sekurang-kurangnya **RM1,000,000**;
  - b) Pertubuhan Koperasi yang berdasarkan pertanian;
  - c) Pertubuhan Peladang Kawasan;
  - d) Pertubuhan Peladang Persekutuan;
  - e) Pertubuhan Peladang Negeri;
  - f) Persatuan Nelayan Kawasan;
  - g) Persatuan Nelayan Persekutuan;
  - h) Persatuan Nelayan Negeri; dan
  - i) \*Pemilikan Tunggal dan modal berbayar yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya **RM50,000.00** manakala Pemilikan Tunggal yang menjalankan aktiviti **akuakultur** modal berbayar yang ditetapkan adalah **RM100,000**.
  - j) \*Perkongsian; atau
  - k) \*Pertubuhan / Persatuan  
**dan bermastautin di Malaysia.**

5. Berapa lama tempoh yang di ambil untuk mendapatkan kelulusan Pengecualian Cukai Di Bawah Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967?

Kelulusan kebiasaan akan mengambil masa lebih kurang **1 – 3 bulan** bermula daripada tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.

6. Setelah mendapat kelulusan Pengecualian Cukai Di Bawah Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967, sekiranya pada tahun pertama syarikat mengalami kerugian, adakah tahun tersebut dikira sebagai tahun pertama syarikat menikmati galakan tersebut?

Pengecualian Cukai Pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun berturut-turut **hanya bermula pada tahun pertama syarikat memperoleh pendapatan berkanun** atau selama 10 tahun berturut-turut di mana tahun taksiran itu hendaklah tidak lebih awal daripada tempoh asas bagi tahun taksiran surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan.

7. Bolehkah syarikat memohon untuk tiga aktiviti pengeluaran bahan makanan yang berlainan?

**Boleh**, tetapi pemohon perlu mengemukakan Kos Projek berasingan bagi setiap aktiviti pengeluaran bahan makanan yang dipohon.

8. Bilakah tarikh akhir permohonan boleh dibuat?

Borang-borang permohonan hendaklah diterima selewat-lewatnya pada **31 Disember 2020**.

9. Di manakah borang-borang tersebut boleh diperolehi?

Borang-borang tersebut boleh diisi secara online melalui **Laman Web Sistem Maklumat Pelabur dan Permohonan Insentif, Kementerian Pertanian & Industri Makanan** di <http://siapp.moa.gov.my>. Bagi membuat permohonan, pemohon terlebih dahulu perlu mendaftar sebagai pengguna.